

**Polis Minta Azmin Pastikan PKR Patuhi 10 Syarat Adakan Perhimpunan
Bernama
8 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh meminta Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Azmin Ali memastikan parti itu mematuhi 10 syarat ditetapkan bagi perhimpunan anjurannya Isnin.

Beliau turut menafikan kenyataan Azmin, yang mendakwa Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak mengenakan syarat bagi perhimpunan itu dan menyifatkan Azmin tidak jujur kerana mengeluarkan kenyataan sedemikian.

"Saya kecewa dan kesal dengan kelakuan, pembohongan, tidak gentleman, tidak jujur dan tidak amanah Azmin," katanya merujuk kenyataan Azmin yang disiarkan dalam sebuah portal berita semalam.

Mohamad memberitahu sidang berita di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPK KL) di sini bahawa Azmin, Ketua Angkatan Muda Keadilan Shamsul Iskandar Mohd Akin dan tiga yang lain daripada PKR bersetuju dengan 10 syarat itu pada perbincangan mereka di IPK KL pada Jumaat lepas.

Bahkan, jelas Mohamad surat mengenai 10 syarat itu ditandatangani Shamsul Iskandar di hadapan Ketua Polis Daerah Sentul ACP Zakaria Pagan di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul Sabtu.

Mengenai penyertaan perhimpunan itu, Mohamad menegaskan PKR mesti memastikan hanya 5,000 orang berhimpun dalam kawasan parkir itu.

Beliau berkata jika lebih daripada 5,000 orang, akan ada limpahan dan ia melanggar syarat yang dipersetujui.

"Sesiapa sahaja boleh menyertai perhimpunan itu namun tidak boleh melebihi 5,000 orang dan jika lebih, mereka yang datang kemudian harus beredar.

Mohamad menegaskan PDRM akan bertindak jika perjanjian itu dicabuli dan tidak dipatuhi.

Perhimpunan itu diadakan berikutan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan membuat keputusan Isnin terhadap Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Penasihat PKR, 64, yang dituduh meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan, 26, pada 26 Jun 2008.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638652>